Imam Ahmad bin Hanbal ؓ (wafat 241H), Konsisten Mengamalkan Sunnah



Imam Ahmad bin Hanbal ؓ dilahirkan di Baghdad, pada bulan Rabiul Awal tahun 164 Hijrah (780 Masihi), iaitu setelah ibunya berpindah dari bandar 'Murwa' tempat tinggal ayahnya.

Sifat-sifat Imam Ahmad bin Hanbal

Imam Ahmad bin Hanbal ؓ adalah seorang yang tinggi badannya, warna kulitnya hitam kemerahan, beliau gemar memakai inai dan memakai pakaian yang kasar dan memakai serban, kurang memakan makanan, beliau tidak berpeluang memakan makanan yang bermacam-macam pada kebanyakan makanannya dimasukkan cuka, beliau mengambil wudhuk tanpa pertolongan orang lain dan beliau membeli kasut dari kayu atau lain-lainnya serta dibawanya sendiri dan beliau duduk di atas hamparan yang lama sehingga carik-carik.

Imam Ahmad ؓ adalah seorang yang kuat ingatan, seorang yang faham dengan apa yang dihafaznya, juga beliau seorang yang bersifat sabar dan mempunyai azam dan juga selalu berkemahuan yang kuat, tetap dengan pendirian, tidak riak dan selalu menjauhi dari bergurau senda sehingga manusia lain tidak berani bergurau-senda di kala beliau ada bersama.

Dari Hujung Pena Ke Pintu Kubur

Imam Ahmad menuntut ilmu sepanjang hayatnya. Beliau tetap dengan mempelajari hadis sehinggalah beliau menjadi seorang imam. Sesetengah daripada manusia pernah berkata kepadanya disebabkan kehairanan dengan ketetapannya dalam menuntut ilmu sekalipun beliau sudah menjadi ketua dan tinggi kedudukannya, kata mereka: "Sehingga bilakah lagi engkau hendak menunutut ilmu pada hal engkau sudah menjadi imam bagi seluruh umat Islam? Imam Ahmad menjawab dengan berkata: "Dari hujung pena sehinggalah ke pintu kubur!"

Alangkah tingginya percakapannya! Ia adalah suatu percakapan yang mengkagumkan seluruh manusia dan seluruh alam. Ia adalah pengajaran yang mulia dari ajaran Islam yang mengajarkan kita bahawa ilmu itu dituntut dari buaian sehinggalah ke liang lahad. Menuntut ilmu adalah sesuatu kegemaran yang tidak dijemu-jemu. Imam Ahmad adalah orang yang menggunakan dakwat, pena, kertas di sepanjang hidupnya sebagaimana penyambungan kepada pelajarannya.

Imam Ahmad menguatkan lagi tujuan-tujuan percakapannya yang di atas, dengan katanya: "Aku menuntut ilmu sehingga aku masuk ke lubang kubur."

Alangkah baiknya bagi tiap-tiap orang penuntut jika mereka meletakkan kata-kata Imam Ahmad di hadapan mereka di setiap waktu: Dari hujung pena ke lubang kubur!

Percakapan Imam Ahmad di atas boleh jadi dirujukkan kepada percakapan yang digunakan oleh ahli-ahli akal dan fikir terhadap ahli-ahli hadis dan nakl, mengikut yang lahir kepada kita bahawa mereka menamakannya 'Ashabul Mahabir' sebagai menunjukkan bahawa mereka tidak hanya berpegang kepada akal fikiran sahaja bahkan mereka berpegang kepada tulisan-tulisan yang disalin dari buku-buku, mereka menuruti atau mempelajari hadis-hadis serta menulisnya dan dikatakan juga mereka adalah 'Hasywiyyah' perkataan Al-Hasy, ertinya ialah percakapan yang tinggi.

Konsisten Mengamalkan Sunnah

Di masa hidup Imam Ahmad رحمه الله, beliau sangat konsisten dalam mengamalkan sunnah Rasulullah ﷺ. Muridnya, Imam Abu Daud رحمه الله mengatakan: "Aku melihat Imam Ahmad apabila menghantar jenazah, ketika mendekati pemakaman, menanggalkan sandalnya."

Imam Ahmad رحمه الله mengamalkan sunnah ini berdasarkan hadis di bawah ini:

"Ketika Rasulullah ﷺ berjalan bersama Basyri, pandangannya terbentur pada seorang yang sedang berjalan di perkuburan dengan memakai sandalnya, kemudian Baginda ﷺ menegurnya: "Wahai si pemakai sandal, celakalah engkau! Tanggalkanlah kedua sandalmu." Orang itu kemudian menoleh dan ketika diketahuinya bahawa yang menegur adalah Rasulullah ﷺ, segera saja dia tanggalkan kedua sandalnya." (Riwayat Abu Daud, An-Nasa'i, Ibnu Majah, Ibnu Abi Syaibah dan Al-Hakim dengan sanad yang sahih).

Syeikh Al-Albani berkata di atas sikap Imam Ahmad mengamalkan sunnah ini: "Semoga Allah menganugerahkan kepadanya rahmat, betapa konsistennya orang ini dalam mengikuti As-Sunnah."

Abu Hatim رحمه الله pernah berkata: "Jika kamu dapati seseorang yang mengasihi Ahmad bin Hanbal رحمه الله maka ketahuilah orang itu adalah dari ahli Sunnah."

Dihormati Oleh Jin

Diceritakan bahawa pada suatu hari Imam Ahmad رحمه الله sedang duduk-duduk di masjidnya. Tiba-tiba datang seorang teman rapatnya yang diutus oleh Khalifah Al-Mutawakkil.

"Wahai Imam! Di rumah Amirul Mukminin ada seorang jariah baginda yang sedang dirasuk syaitan, Baginda telah mengutus saya untuk meminta tuan agar berdoa untuk kesihatannya." kata teman Imam Ahmad itu.

Imam Ahmad memberikan sepasang terompah kayu kepada temannya sambil berkata: "Pergi ke rumah Amirul Mukminin dan duduklah di sisi kepala jariah yang sedang sakit itu, kemudian katakan kepada jin: "Wahai jin! Imam Ahmad berkata kepadamu, "Yang mana satu yang engkau suka, engkau keluar dari tubuh jariah ini atau aku tampar engkau dengan terompah ini sebanyak tujuh puluh kali."

Orang itu pun pergi ke rumah khalifah dengan membawa terompah kayu dari Imam Ahmad رحمه الله. Kemudian dia duduk di sisi kepala si jariah dan mengucapkan perkataan seperti yang diucapkan oleh Imam Ahmad رحمه الله.

Maka berkatalah jin yang merasuk melalui lisan si jariah: "Aku mendengar dan taat kepada Imam Ahmad. Sekiranya beliau menyuruh aku keluar dari negeri Irak inipun, nescaya aku keluar."

Kemudian jin itu berkata lagi: "Kerana beliau adalah seorang yang taat kepada Allah, sedangkan barangsiapa yang taat kepada Allah, dia akan dipatuhi oleh segala sesuatu."

Lepas berkata demikian, jin itu keluar dan jariah sembuh sebagaimana sedia kala dan melahirkan beberapa anak dari khalifah.

Beberapa tahun kemudian, Imam Ahmad رحمه الله meninggal dunia. Tiba-tiba jin itu datang lagi dan merasuk tubuh jariah buat kali kedua. Kerana Imam Ahmad رحمه الله sudah tidak ada, khalifah menyuruh teman Imam Ahmad رحمه الله agar berbuat seperti ketika masih ada Imam Ahmad رحمه الله. Maka teman itu duduk di sisi kepala jariah yang sakit dengan memegang terompah kayu dari Imam Ahmad رحمه الله.

"Hai jin! Keluarlah engkau. Kalau tidak, engkau kupukul dengan terompah ini sebanyak tujuh puluh kali." kata orang itu.

Tiba-tiba jin itu menjawab melalui mulut jariah yamg dirasuknya: "Aku tidak akan tunduk kepadamu dan tidak akan keluar dari sini. Adapun Imam Ahmad adalah seorang yang taat kepoada Allah, maka aku diperintah untuk tunduk kepadanya."

Maka tetaplah jin itu di tubuh si jariah, kerana dia tahu yang menyuruh keluar bukan Imam Ahmad ﷺ, sebab beliau telah meninggal dunia.

Sakit dan Wafatnya Dihadiri Ramai Orang

Menjelang wafatnya, beliau jatuh sakit selama sembilan hari. Mendengar sakitnya, orang-orang pun berdatangan ingin menjenguknya. Mereka berdesak-desakan di depan pintu rumahnya, sampai-sampai sultan menempatkan orang untuk berjaga di depan pintu. Akhirnya, pada permulaan hari Jumaat tanggal 12 Rabiul Awal 241H (855 Masihi), beliau menghadap kepada Rabbnya menjemput ajal yang telah ditentukan kepadanya. Beliau wafat dalam usia 77 tahun.

Kaum Muslimin bersedih dengan kepergian beliau. Tak sedikit mereka yang turut menghantar jenazah beliau sampai beratusan ribu orang. Ada yang mengatakan 700 ribu orang, ada pula yang mengatakan 800 ribu orang, bahkan ada yang mengatakan sampai satu juta lebih orang yang menghadirinya. Semuanya menunjukkan bahawa sangat banyaknya mereka yang hadir pada saat itu demi menujukkan penghormatan dan kecintaan mereka kepada beliau. Beliau pernah berkata ketika masih sihat, "Katakan kepada ahlu bid'ah bahawa perbezaan antara kami dan kalian adalah (tampak pada) hari kematian kami."

Bersiar-Siar Di Syurga

Setelah Imam Ahmad ﷺ wafat salah seorang teman yang juga muridnya bermimpi melihat beliau berjalan bersiar-siar dalam keadaan riang gembira.

"Wahai saudaraku! Engkau berjalan dalam keadaan riang gembira seperti ini?" tanya temannya.

"Beginilah cara berjalan khadam-khadam Allah di dalam syurga Darussalam." jawab Imam
Ahmad. "Apa yang telah Allah buat kepadamu?" tanya temannya lagi.

"Allah telah mengampunkan aku dan diberinya aku sepasang kasut yang terbuat dari emas. Dia (Allah) berkata kepadaku: "Inilah balasan untukmu yang telah berani berkata bahawa Al-Quran itu Kalamullah yang diturunkan oleh Allah itu bukan makhluk." Kemudian Dia berkata lagi: Wahai Ahmad! Pergilah ke mana-mana tempat yang engkau suka."

Maka aku pun masuk ke dalam sebuah taman, di situ aku berjumpa dengan Sufyan At-Tsauri. Dia memakai sayap berwarna hijau sedang terbang dari satu pokok ke pokok lain. Aku mendengar dia sedang membaca ayat al-Quran:

"Segala puji bagi Allah yang telah memenuhi janjiNya kepada kami dan telah mewariskan kepada kami tempat ini sedang kami (diperkenankan) menempati tempat dalam syurga di mana saja yang kami kehendaki, maka syurga itulah sebaik-baik balasan bagi orang yang beramal." (Az-Zumar: 74)

"Kemudian bagaimana pula khabar si Abdul Wahid Al-Waraq?" tanya temannya.

"Aku telah melihatnya sedang berada di lautan cahaya di atas kenderaan cahaya juga sedang menziarahi Tuhannya Yang Maha Pengampun."

"Lalu bagaimana dengan khabar Bisyr Al-Khafi?"

"Aduh...! Aku telah melihatnya sedang berada di hadapan Maha Agung. Dia berkata kepadanya: "Makanlah wahai orang yang tidak makan di dunia, minumlah wahai orang yang tidak merasakan keseronokan di dunia."

Hanya sampai sekian mimpi teman Imam Ahmad hingga dia terjaga dari tidurnya.
(Gambar di atas, Musnad Imam Ahmad bin Hanbal, karya Imam Ahmad yang terkenal)

SUMBER : DIHANTAR OLEH M.A.USWAH PADA 4:41 AM, LABEL: TAMAN ULAMA MAZHAB